

GIATMARA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA NAIKTARAF BENGKEL JAHITAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG, PERAK

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PGM 400 / DH / 020 / 2019	<p>TARIKH : 12 SEPTEMBER 2019</p> <p>MASA : 10.00 PAGI</p> <p>TEMPAT: AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG LOT 133080, LALUAN PERSEKUTUAN 31600, GOPENG, PERAK.</p>	<p>TEMPOH PENJUALAN : 12 SEPTEMBER 2019 SAHAJA</p> <p>TEMPAT PENJUALAN : BENGKEL JAHITAN, AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG LOT 133080, LALUAN PERSEKUTUAN 31600, GOPENG, PERAK.</p>	<p>CIDB</p> <p>GRED : G2</p> <p>KATEGORI : B</p> <p>PENGKHUSUSAN : 04 (KONTRAKTOR DALAM NEGERI SAHAJA)</p>	<p>RM 50.00 (Secara Tunai)</p>	<p>TARIKH & MASA TUTUP : 20 SEPTEMBER 2019</p> <p>12.00 TENGAHARI</p>

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh CIDB.
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB.
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor
- Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **GIATMARA** semasa menghadiri taklimat sebutharga.
5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
6. **GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
NO 39 & 41, WISMA GIATMARA,
JALAN MEDAN TUANKU,
50300, KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga **20 September 2019** jam **12.00** tengahari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my/>